

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, 29 April, 2019 3:58 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: I-RIA Wadah Semarak Agenda Negara Dalam Trend Teknologi Terkini



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

29 APRIL 2019 / 23 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

I-RIA WADAH SEMARAK AGENDA NEGARA DALAM TREND TEKNOLOGI TERKINI



UUM ONLINE: Sejak mula dianjurkan pada 2015, Pameran Innovative Research, Invention and Application (I-RIA) terus mendapat sambutan bukan sahaja di peringkat nasional, malah antarabangsa dengan peningkatan jumlah penyertaan pada tahun ini.

Penolong Naib Canselor, UUM CAS, Prof. Dr. Huda Ibrahim berkata, tahun ini I-RIA mencatatkan jumlah penyertaan sebanyak 228 melibatkan universiti/politeknik/kolej (167), sekolah rendah dan menengah (56), agensi/syarikat swasta (3) dari seluruh Malaysia serta dua penyertaan dari luar negara (Indonesia).

Menurutnya, I-RIA sudah lama bermula di Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC) sebagai medan untuk menghargai dan mengiktiraf projek dan hasil inovasi pelajar serta pensyarah di pusat pengajian tersebut sebelum dibuka kepada penyertaan seluruh Malaysia pada 2015.

Katanya, pameran itu juga memberi peluang kepada peserta untuk membangunkan prototaip dan berkongsi inovasi mereka bukan sahaja dalam kalangan pelajar universiti atau sekolah, malah pihak industri yang turut mengambil bahagian dalam pameran itu.

"I-RIA menjadi wadah bagi menyemarakkan agenda negara dalam trend teknologi terkini, seiring dengan perkembangan Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0).

"Pameran ini juga menjadi platform kepada pencipta kecil untuk bertemu dengan pihak industri dan swasta supaya hasil inovasi mereka dapat diketengahkan ke peringkat lebih tinggi lagi," katanya pada Majlis Perasmian I-RIA di Dewan Mu'adzam Shah, pagi tadi.

Prof. Dr. Huda berkata, I-RIA juga menjadi serampang dua mata untuk meningkatkan inovasi supaya negara dapat melahirkan pencipta yang bukan sahaja untuk pasaran tempatan, malah luar negara juga.

Bertemakan '*Nurturing Creativity, Humanizing Technology*', I-RIA telah dirasmikan Naib Presiden Pembangunan Pasaran dan Industri, CREST, Chin Fung Wei yang turut menyampaikan ucap tama bertajuk '*Innovation in Malaysia: From University to Startup*'.

Objektif penganjuran I-RIA adalah sebagai medan perkongsian ilmu dan maklum balas tentang hasil atau produk penyelidikan dan pembangunan yang telah dijalankan, platform untuk peserta mempamer dan mempertandingkan produk mereka serta membina jaringan dalam kalangan peserta dan merapatkan hubungan di antara sekolah, IPT dan industri/agensi kerajaan.

I-RIA turut disertai oleh SME Corp, Post DigiCert Sdn. Bhd., Prosteam Innovation and Academy dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) sebagai pempamer.

Selain daripada pameran dan pertandingan, pameran selama dua hari itu turut terdapat sesi ceramah atau 'Sesi Teh Tarik' yang menampilkan Pengarah Jabatan Gaya Hidup dan Masyarakat Digital, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), John Tay; Naib Presiden Kanan, Industry 4.0, MTDC, Idjarmizuan Ibrahim dan Ketua Teknologi Dan Penyelesaian, POS DigiCert Sdn Bhd, Mohd Saiful Abdul Wahab.

Perasmian penutup dan penyampaian hadiah I-RIA 2019 akan disempurnakan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Dr. Massudi Mahmuddin pada esok petang.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.